

Parlimen: Tumpuan Jangka Panjang Untuk Misi Pingat Emas Olimpik Pertama Negara
Bernama
24 September, 2012

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan akan memberikan tumpuan jangka panjang dalam menyediakan barisan atlet untuk memikul cabaran membawa pulang pingat emas Olimpik pertama negara.

Menterinya Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata tumpuan kali ini bukan sahaja kepada persediaan untuk Olimpik 2016, malah kepada Olimpik yang berikutnya pada 2020.

"Hasil perbincangan dengan pelbagai pihak berkaitan, kita telah memutuskan bahawa tumpuan persediaan tidak hanya tertumpu pada Olimpik yang akan disertai empat tahun akan datang tetapi juga persediaan untuk Olimpik seterusnya.

"Ini bagi memastikan kita dapat menyediakan persiapan terbaik dan melengkapkan para atlet kita dalam masa jangka panjang untuk bersaing dalam temasya sukan tersebut," katanya ketika menjawab soalan Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) di Dewan Rakyat pada Isnin.

Shamsul ingin tahu mengenai pencapaian dan kelemahan dalam Program Olimpik London 2012 serta perancangan kementerian untuk Olimpik akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696817>